



E - B U L E T I N S P R M

**HARI
ANTI
RASUAH
ANTARABANGSA
2018** 9 DISEMBER 2018



**Bersama
Memerangi
Rasuah**



Lensa m/s 19 - 20



KANDUNGAN

PENA PENGARANG

1

MACC.fm

3

RENTETAN SPRM

7

LENSA SPRM

15

SIDANG REDAKSI

PENERBIT

KPj Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull

PENERBIT EKSEKUTIF

TKPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

PENASIHAT EKSEKUTIF SIDANG REDAKSI

TPj Tuan Ruslan bin Tuan Mat

KETUA PENGARANG

PKPj Norizan binti Abu Samah

PENGARANG

PPj Jayantha Kumar Sen Gupta

WARTAWAN

Ps Faarzana binti Mohd Fauzi
PPs Noordyana Yohana binti Tawith
Bahagian Komunikasi Strategik

PEREKA GRAFIK

PPs Nur Irwan bin Abd Rahman
Jamsharina Aini binti Marhaban

UNIT FOTO

Rosman bin Abu Bakar
Bahagian Komunikasi Strategik

E-buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari".

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan disebabkan penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada e-buletin ini.



Pena Pengarang

TPj TUAN RUSLAN BIN TUAN MAT
(Penasihat Eksekutif Sidang Redaksi)

Assalamualaikum WBT,

Salam Sejahtera dan Salam Perangi Rasuah.

Cabaran, perubahan, transformasi, kejayaan, pendekatan baharu, pembelajaran, pengalaman baharu serta penambahbaikan merupakan senario-senario yang dialami oleh SPRM sepanjang tahun 2018. Alhamdulillah kami dapat meneruskan amanah serta tanggungjawab kami dalam memerangi rasuah melalui tiga strategi teras iaitu Penguatkuasaan, Pencegahan dan Pendidikan.

Segala perit getir dan suka duka telah berjaya ditempuh, pelbagai proses transformasi telah dilalui dan sejarah kejayaan yang telah dilakar menjadi tanda kejayaan dan kematangan SPRM selama ini.

SPRM pada tahun ini juga telah meraikan ulang tahunnya yang ke-51 dengan penuh kesyukuran menerusi aktiviti-aktiviti berkepentingan masyarakat seperti golongan pelajar, NGO, agensi kerajaan, swasta, agensi berkaitan kerajaan, politik, peniaga dan masyarakat awam.

Sebagai penutup tirai 2018, SPRM bersama warga dunia telah menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) pada 9 Disember lalu. Bertemakan 'Bersatu Menentang Rasuah', warga SPRM turut melaksanakan program *Walk-About* dengan usahasama Transparency International Malaysia, Yayasan Anti Rasuah Malaysia, Majlis Belia Malaysia dan Corporate Research and Investigations Group bagi menyebarkan mesej antirasuah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga SPRM di atas segala komitmen dan usaha yang dicurahkan selama ini serta berharap akan terus cemerlang dalam mempertingkatkan tanggungjawab sebagai pegawai dan warga SPRM.

Akhir sekali, marilah kita bersatu melangkah ke Tahun Baharu 2019 dengan semangat juang yang tinggi seiring dengan slogan baharu SPRM iaitu 'Rasuah Dihina, Maruah Dibina'.

Selamat Tahun Baharu 2019 dan Salam Perangi Rasuah!

**RASUAH DIHINA
MARUAH DIBINA**

**RASUAH DIHINA
MARUAH DIBINA**

**SELAMAT MENYAMBUT
ULANG TAHUN
BPR/SPRM
KE-51**

1 Oktober 2018



"SPRM 360"

'SPRM 360' merupakan kerjasama strategik di antara MACC.fm dan Bernama Radio. Slot tersebut menjadi rancangan radio pertama di Bernama yang menentang isu-isu rasuah, integriti dan tadbir urus.

Bermula 22 September hingga 15 Disember, slot SPRM 360 telah bersiaran pada setiap hari Sabtu, dari 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari melalui rangkaian Bernama Radio.

'SPRM 360' telah ke udara sebanyak 13 episod, menampilkan seramai 15 tetamu jemputan dari pelbagai latar belakang dan kelompok.

22 September 2018

DATUK SERI AZAM BAKI

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
SPRM

Topik

Rasuah: Tiada Teristimewa, Tiada Terkecuali



29 September 2018

DATO' SRI ZAKARIA JAFFAR

Presiden Yayasan Anti Rasuah Malaysia

Topik

Peranan Masyarakat dalam
Membanteras Rasuah



6 Oktober 2018

ENCIK FIRDAUS RAMLAN

Bekas majistret/Bekas pesalah kes rasuah

Topik

Tumbuk Rusuk: Pengkisahan Dari
Tirai Besi





www.macc.fm

MACC.fm



13 Oktober 2018
DATO' (DR) HUSSAMUDDIN YAACUB

Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Media Karangkrak/
Pengerusi TV Alhijrah

Topik
Media Korporat: Rasuah Tidak Terkecuali

20 Oktober 2018
DATO' (DR) YUSOF HASLAM
Karyawan Filem

Topik
Banteras Rasuah: Peranan Anak Seni



22 September 2018
DATUK SERI AKHBAR SATAR

Presiden
Transparency International – Malaysia

Topik
Memperbaiki Prestasi Negara Dalam
Corruption Perception Index (CPI)



3 November 2018

TAN SRI MUSA HASSAN

Mantan Ketua Polis Negara

Topik

Integriti Agensi Penguatkuasaan?



10 November 2018

YB KHAIRY JAMALUDDIN

Ahli Parlimen Rembau

Topik

Pembangkang Sebagai Mekanisme
Check & Balance kepada Usaha
Pencegahan Rasuah

17 November 2018

DATUK DR ANIS YUSAL YUSOFF

Timbalan Ketua Pengarah
Pusat Governans, Integriti dan
Antirasuah Nasional (GIACC)

Topik

Masa Depan Integriti dan Tadbir Urus
Negara



24 November 2018

DATIN DR. AMLA MOHD SALLEH

Karyawan Tamu USIM

EN. AMRAN

(BUKAN NAMA SEBENAR)

Bekas Pesalah Rasuah

Topik

Rasuah: Mencegah Lebih Baik
Daripada Merawat





www.macc.fm

MACC.fm



1 Disember 2018
DATUK SERI MUSTAFAR ALI
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia

Topik
Pemantapan Integriti Agensi
Penguatkuasaan

8 Disember 2018
**S.S. DATO' SERI DR. ZULKIFLI
MOHAMAD AL-BAKRI**
Mufti Wilayah Persekutuan

TPj TUAN RUSLAN TUAN MAT
Pengarah
Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.

Topik

Rasuah: Barah Dalam Kehidupan?

Program Pencegahan SPRM
(HARA 2018 dan Projek Balutan Tren)



15 Disember 2018
ALLY ISKANDAR MOHD MARDZI
Pengamal Media

Topik
Media Pencetus Revolusi Antirasuah

AKTIVITI PENCEGAHAN (IBU PEJABAT)

BALUTAN TREN MESEJ ANTIRASUAH: KERJASAMA SPRM & KTMB

11 Disember 2018

Majlis Pelancaran Balutan Tren Mesej Antirasuah Kerjasama SPRM dan KTMB telah dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull di Butterworth, Pulau Pinang.

Melalui kempen tersebut, mesej antirasuah antaranya slogan baru SPRM, 'Rasuah Dihina, Maruah Dibina' juga dipaparkan untuk koci Tren Komuter Sektor Utara iaitu dari Butterworth ke Padang Besar bagi tempoh setahun.



SPRM SYOR 4 CADANGAN

13 Disember 2018

Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik telah memersetujui empat cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan (BPMP) SPRM berhubung pengurusan kewangan dan tadbir urus Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.



AKTIVITI PENCEGAHAN (NEGERI)

"SHOWME KIDS SCHOOL"

12 September 2018

SPRM Negeri Terengganu telah melantik sebuah sekolah swasta, *Showme Kids School* sebagai duta kecil dalam usaha menyemai semangat membenci rasuah bermula pada peringkat awal iaitu kanak-kanak di tadika.

Objektif duta kecil tersebut adalah untuk menyebarkan mesej-mesej bencikan rasuah serta menyampaikan maklumat kepada rakan-rakan sebaya, keluarga dan masyarakat.



TITIPAN KASIH SPRM DAN UNIMAP

23 September 2018

Program Kayuhan Majlis Agama Islam Perlis Peduli sempena Titipan Kasih SPRM dan UniMAP mengelilingi Negeri Perlis yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Turut melibatkan seramai 100 orang peserta kayuhan yang terdiri daripada ahli kelab berbasikal Team Tayar Golek, pegawai-pegawai SPRM, pegawai-pegawai UniMAP serta mahasiswa dan mahasiswi.

Kayuhan yang bermula di Dataran Parkir Bas UniMAP Wang Ulu turut menziarahi tiga buah rumah asnaf dan sumbangan daripada pihak MAIPs serta duit zakat telah disampaikan oleh DYTM Raja Muda Perlis manakala sumbangan daripada SPRM disampaikan oleh YBhg. Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil.



JALAN-JALAN TOLAK RASUAH VOL. 5.0

24 September 2018

SPRM Terengganu telah melaksanakan program pencegahan Jalan-Jalan Tolak Rasuah Vol. 5.0 di sekitar Kemaman.



MAJLIS KONVENSYEN MAHASISWA ANTIRASUAH (KoMawAR)

24 September 2018

Majlis Konvensyen Mahasiswa Antirasuah (KoMawAR) telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis yang dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan melibatkan 1,500 pelajar dari Institusi Pendidikan Tinggi di seluruh negara.

KoMawAR merupakan program anjuran bersama SPRM dan UniMAP yang bertujuan untuk mewujudkan budaya antirasuah dalam kalangan mahasiswa, melahirkan mahasiswa yang peka terhadap isu-isu berkaitan rasuah serta menjalin kerjasama berterusan untuk mencegah gejala rasuah dalam negara.



MAJLIS PELANCARAN PENJENAMAAN SEMULA SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR) KEPADA ANGKATAN MAHASISWA ANTIRASUAH (AMAR)

24 September 2018



Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) kepada Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR) serta Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRA) ditukar kepada Anti-Corruption Student Force Alumni (ACF) di Universiti Malaysia Perlis.



RENTETAN 2018

PROGRAM WIRA ANTIRASUAH (WAR) PERINGKAT PUTRAJAYA

23 Oktober 2018

Program Wira Antirasuah (WAR) peringkat Putrajaya 2018 melibatkan empat buah sekolah rendah dan lima buah sekolah menengah telah dilancarkan di Ibu Pejabat SPRM.



DEBAT ANTIRASUAH INSTITUSI PENDIDIKAN MARA 2018

27 - 30 Oktober 2018

Debat Antirasuah Institusi Pendidikan Mara 2018 telah diadakan buat pertama kalinya di German Malaysia Institute (GMI) dan Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute, Bangi.



FORUM PERMUAFAKATAN PERINGKAT KEBANGSAAN SPRM DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

13 November 2018

Forum Permuafakatan Peringkat Kebangsaan SPRM dan KPM yang bertemakan "Pendidik – Suri Teladan: Membentuk Generasi Bebas Rasuah" telah menampilkan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik untuk sesi ceramah eksekutif dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull; Datuk Sulaiman Wak, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Dasar) dan Encik Firdaus Ramlan daripada CJ Global Venture sebagai barisan panel serta Encik Sayed Munawwar Sayed Mohd Mustar selaku moderator.

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

122 KADET LAPOR DIRI

1 Ogos 2018

Seramai 122 kadet melapor diri untuk sesi Pengajian *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies*, @ Cohort 1 2018 di MACA.

TAKLIMAT SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

5 Disember 2018

MACA dengan kerjasama Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM menganjurkan sesi taklimat bertajuk "Pengenalan kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009" untuk meningkatkan kefahaman di kalangan pegawai SPRM.

SEMINAR 'GEARING UP FOR CORPORATE LIABILITY'

10 Oktober 2018

Buat julung kalinya, Seminar "Gearing Up For Corporate Liability" telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya melibatkan penyertaan seramai hampir 300 peserta dari sektor swasta dan korporat.

Seminar tersebut bertujuan memastikan setiap pihak berkepentingan atau organisasi memahami pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat serta mengenai peruntukan undang-undang dalam Seksyen 17A dan juga berkaitan inisiatif serta langkah pencegahan yang boleh diambil sesebuah

organisasi bagi mengelak mereka dikenakan tindakan undang-undang berkaitan liabiliti korporat.

Antara penceramah bagi seminar tersebut adalah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil; Ahli Lembaga Pengarah MRT Corporation, Datuk Sutinah Sutan; Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Antirasuah dan Pematuhan Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Dato' P.Ganason; dan Timbalan Pendakwaraya SPRM, Norzilati Izhani Zainal.



KONVOKESYEN CEIO

1 November 2018



Majlis Konvokesyen Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) kali ketujuh telah diadakan di Institut Latihan Dewan Bandaraya, Cheras. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull turut menekankan bahawa program tersebut amat diperlukan kerana mampu memantapkan integriti pegawai dan tadbir urus yang baik di sektor awam dan swasta.

Seramai 158 pegawai integriti dari pelbagai organisasi kerajaan dan swasta telah menerima pentauliahannya mereka pada majlis tersebut.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar dan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Seri Mohd Shukri Abdull.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed turut menerima anugerah kehormat Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).

Majlis Persaraan Pegawai SPRM



Majlis Persaraan Pegawai SPRM bertemakan "Jasamu Dikenang Ingatan Abadi" bertujuan menghargai sumbangan pegawai dan kakitangan sepanjang berkhidmat di SPRM.

MAJLIS HI-TEA SPRM

26 Oktober 2018

Seramai 200 warga PUSPANITA telah menghadiri Majlis Hi-Tea 'A Moment To Remember' di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat SPRM. Bertemakan 'White and Denim', majlis tersebut adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama warga PUSPANITA.



SLOGAN BAHARU SPRM

1 Oktober 2018



SPRM telah melancarkan slogan baharu "Rasuah Dihina Maruah Dibina" bersempena sambutan Ulang Tahun ke-51 penubuhan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR/SPRM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull turut mengingatkan semua pegawai SPRM supaya mengembalikan kecemerlangan Malaysia di mata dunia dan menjadikan negara tercinta bermaruah tanpa rasuah.

ANUGERAH INOVASI SPRM 2018

28 November 2018

Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat dinobatkan sebagai Juara Anugerah Inovasi SPRM 2018 menerusi projek 'Kertas Siasatan Berteknologi RFID' sempena Sambutan Hari Inovasi SPRM 2018.

Bertemakan 'Inovasi Keunggulan Prestasi', Naib Johan SPRM menjadi milik Negeri Terengganu dengan projek 'Jalan-Jalan Tolak Rasuah' dan tempat ketiga dimenangi oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat kerana telah menjayakan Program "Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messages".

PERTANDINGAN BOLING KUARTET PIALA TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGEGAHAN) SPRM

1 Disember 2018

Kelab Sukan Rekreasi SPRM telah mengadakan pertandingan Boling Kuartet Piala Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM 2018 di ARL Bowl Alamanda, Putrajaya. Perlawanan tersebut bertujuan untuk membina hubungan yang lebih rapat bersama pegawai dan kakitangan SPRM.



ARCA ANTIRASUAH

7 Disember 2018

Arca antirasuah telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Emir Qatar Sheikh Tamim Hamad Al Thani di Putrajaya sebagai lambang pengiktirafan khas daripada kerajaan Qatar ke atas Malaysia kerana usaha rakyat dan negara memerangi rasuah. Arca tersebut merupakan monumen antirasuah ketiga di dunia dan Malaysia adalah negara pertama di luar benua Eropah yang menerima arca ini sebagai bukti memerangi rasuah.



RENTETAN 2018

LAWATAN RASMI KE SPRM

14 Ogos 2018



Delegasi State Audit Institution of Oman telah mengadakan lawatan rasmi ke SPRM bagi membincangkan kerjasama strategik dan turut mengiktiraf kepakaran dan amalan baik yang dilaksanakan oleh SPRM kerana berjaya melaksanakan pelbagai program pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa.

19 Ogos 2018



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull telah menerima kunjungan hormat daripada Dekan Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA), Martin Kreutner ke Ibu Pejabat SPRM.

16 Oktober 2018



Lawatan Integriti daripada Pasukan Fello Perdana 2018 dan turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

17 Oktober 2018

Peguam Negara Qatar, Dr. Ali Fetais Al Marri telah mengadakan lawatan rasmi ke SPRM dan beliau memuji kesungguhan usaha SPRM dalam memerangi rasuah.



21 November 2018



Perdana Menteri Pakistan, Tuan Yang Terutama Imran Khan, pemimpin luar negara pertama yang mengadakan lawatan rasmi ke SPRM. Beliau turut meluangkan masa dalam satu sesi taklimat khas berhubung pengoperasian SPRM.

23 November 2018



Kunjungan hormat bekas Presiden Republik Kyrgyz, H.E (Madam) Roza Otunbayeva di Ibu Pejabat SPRM. Pertemuan dua hala itu mewujudkan platform dalam perkongsian perkembangan berhubung hala tuju, kegiatan dan inisiatif pencegahan rasuah.

3 Disember 2018



SPRM telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Komisi Pembenterasan Korupsi (KPK) yang diketuai oleh Pemangku Ketua Bahagian Sumber Manusia, Nanang Priyono di Ibu Pejabat SPRM. SPRM turut bersedia menjalinkan kerjasama serta menghulurkan bantuan kepada pihak KPK dalam usaha membanteras rasuah dengan lebih efektif.

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Bil.	Kategori	Jumlah (31 Disember 2018)
1	Kementerian	3
2	Jabatan	175
3	Negeri	88
4	Badan Berkanun	90
5	IPT/Institusi Pendidikan	11
6	GLC	53
7	Swasta	42
8	NGO dan Persatuan	20
9	Yayasan	3
JUMLAH		485



30 SEPTEMBER 2018



**Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Solat Hajat
Sempena Ulangtahun BPR/SPRM Ke-51
Yang Berlangsung Di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.**





01 OKTOBER 2018



Majlis Sambutan Ulangtahn Ke-51 Penubuhan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR/SPRM) di Ibu Pejabat SPRM.

Majlis turut diserikan dengan Amanat Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Majlis Pelantikan Pasukan Transformasi SPRM dan Majlis Pemakaian Pangkat kepada Pegawai-pegawai SPRM.





09 DISEMBER 2018



HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA 2018 9 DISEMBER 2018

Kira-kira 1500 peserta menyertai program 'Walk-About' sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa yang disambut serentak di seluruh negara.

Sambutan HARA 2018 yang bertemakan 'Bersatu Menentang Rasuah' merupakan program usahasama antara SPRM bersama Transparency International Malaysia, Yayasan Anti Rasuah Malaysia, Majlis Belia Malaysia dan Corporate Research and Investigations Group.





Program Walk-About Perdana Sempena HARA 2018 di Melaka dengan kerjasama Yayasan Antirasuah Malaysia disertai lebih kurang 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada ahli-ahli YARM, pelajar-pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian dan Keusahawanan Melaka (MISDEC), Persatuan Vespa 4GWork serta pegawai-pegawai SPRM.



Program Walk-About Perdana HARA Anjuran SPRM Wilayah Persekutuan Labuan dan SPRM Sabah Dapat Sambutan Masyarakat Setempat

HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA 2018
9 DISEMBER 2018

9 DISEMBER 2018

HARA 2018 : SPRM Dan YARM Sarawak Sebar Luas Mesej Antirasuah



NILAI MURNI, AMALAN TERPUJI



AMANAH
Mengembalikan kepada empunya hak

TERIMA KASIH ADIK

DUIT AKAK JATUH TADI, NI SAYA TOLONG KUTIPKAN

A superhero character in a yellow and purple suit is shown giving a thumbs up. In the background, a boy with glasses is returning a banknote to a girl in a red hijab.



JUJUR
Tidak meniru semasa peperiksaan

A superhero character in a yellow and purple suit stands in the center of a classroom. Three students are seated at desks, writing. The superhero is holding a book.



TIDAK MENGAMBIL HAK ORANG LAIN
Tidak memotong barisan

A superhero character in a yellow and purple suit stands on the left. On the right, five children are standing in a line, holding hands. The superhero is pointing towards the line.



MEDIA SPRM



RASUAH DIHINA MARUAH DIBINA



Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuhr Wawasan,
Presint 7, 62250 Putrajaya.
Tel : 03-8870 0000 | Faks: 03-8870 0901

www.sprm.gov.my